

Jangan fanatik bahasa:

B.H. 10 SEP 1992

Dr M

KUALA LUMPUR, Rabu — Pejuang bahasa kebangsaan dinasihatkan tidak terlalu emosional dan 'fanatik bahasa' sehingga menghalang penguasaan serta penggunaan bahasa Inggeris dalam semua keadaan.

Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~ berkata kemajuan dalam bahasa Melayu semata-mata tidak bermakna negara mencapai kemajuan secara keseluruhan.

"Saya khuatir kerana mulanya minta dihentikan iklan dalam bahasa Inggeris saja, sekarang timbul pula ucapan dalam bahasa Inggeris juga tidak boleh dan suratkhbar bahasa Inggeris tak boleh.

"Kita mesti rasional dan tidak ter-bawa-bawa dengan perasaan. Jika kita hendakkan kemajuan seratus peratus dalam semua bidang dan dalam proses kemajuan itu memerlukan penguasaan bahasa lain, kita mesti menguasainya.

"Penguasaan bahasa Inggeris tidak akan menjejaskan kebangsaan kita. Saya anggap diri saya sebagai nasionalis juga walaupun kadang kala saya bercakap bahasa Inggeris," katanya selepas melancarkan perhimpunan sambutan Maulidur Rasul 1413 Hijrah peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka, di sini, hari ini.

Beliau mengulas gesaan beberapa tokoh budaya yang mahukan iklan bahasa Inggeris di media massa dihapuskan kerana mendakwa ia adalah sisa zaman kolonial.

Menurutnya, rakyat dan pemimpin Indonesia yang selama ini begitu mementingkan penggunaan bahasa ibundanya, semakin menunjukkan minat terhadap bahasa Inggeris.

"Ketika saya berada di Jakarta untuk Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) baru-baru, saya diwawancara oleh sebuah televisyen swasta di sana dalam bahasa Inggeris walhal saya boleh bercakap bahasa mereka.

"Televisyen Indonesia juga menyediakan kursus meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris untuk penonton. Nampaknya minat terhadap bahasa Inggeris di negara itu semakin meningkat," katanya.

Menurut Perdana Menteri, adalah keterlaluan jika golongan pejuang bahasa berkenaan mendesak hanya bahasa Melayu saja digunakan dalam semua keadaan.

"Apabila kita ke luar negara untuk menghadiri mesyuarat, kebolehan berbahasa Inggeris menjadi kelebihan yang besar," katanya.